



POWER



EXPRESSION



VIOLENCE



**A Research on
Women's Expression on
Social Media in Malaysia**

Kuasa X Ekspresi X Keganasan:

Penyelidikan tentang Ekspresi Wanita dalam Media Sosial di Malaysia

Ditulis oleh Serene Lim

Disunting oleh Angela M. Kuga Thas

Diterbitkan oleh KRYSS Network

RINGKASAN PENYELIDIKAN

Berlandaskan kisah-kisah daripada 23 orang wanita¹, penyelidikan ini meneliti ketidaksaksamaan akses wanita kepada kebebasan berpendapat dan bersuara, dan bagaimana pelaksanaan kebebasan oleh wanita-wanita ini mengundang keganasan berdasarkan gender dalam talian.

Ini merupakan sebahagian daripada usaha KRYSS Network untuk membolehkan akses yang saksama terhadap kebebasan berpendapat dan bersuara oleh semua gender dan memberikan analisis terhadap akses dan pelaksanaan hak ini dari- pada perspektif feminis dan gender.

Tentang Organisasi Ini dan Pasukan Penyelidikan

KRYSS Network adalah sebuah organisasi bukan untung yang telah menjalankan pemerhatian dan kajian terhadap ketidaksaksamaan akses yang wujud terhadap kebebasan berpendapat dan bersuara di Malaysia, terutama bagi wanita-wanita dan golongan-golongan yang dipinggirkan. Karya ini, antara kerja-kerja yang kami lakukan, memberi tumpuan terhadap kajian untuk menggalakkan ruang dalam talian yang lebih selamat untuk semua individu agar mereka mampu menyuarakan realiti kehidupan mereka, pengalaman, pendapat, pemikiran, dan pelanggaran hak asasi manusia yang mereka alami, tanpa sebarang ancaman gangguan dan keganasan.

Objektif dan Rasional Penyelidikan

Penyelidikan ini bertujuan untuk menangani dua andaian berbahaya, iaitu bahawa: 1) akses, dan pelaksanaan kebebasan berpendapat dan bersuara, adalah setara untuk semua; dan 2) medium media sosial adalah sememangnya bebas. Hal ini kerana, daripada segi sejarah, nilai-nilai keneutralan dan egalitarian memberi layanan istimewa kepada lelaki *cisgender*² dan pengalaman lelaki *cisgender*. Oleh itu, andaian-andaian seperti itu mengaburkan dan bukannya menggalakkan kepelbagaian pendapat dan secara tidak langsung meremehkan impak keganasan berdasarkan gender dalam talian.

¹ Terma "wanita" digunakan untuk merujuk kepada wanita *cisgender*, wanita *transgender* dan individu kewanitaan yang merujuk sebagai bukan binary (*non-binary*).

² "*Cisgender*" merujuk kepada mereka yang mengenalpasti gender mereka adalah seiring dengan jantina mereka sewaktu lahir.

Pada tahun 2015, satu hantaran Facebook telah tersebar secara meluas, dengan satu penjelasan tentang bagaimana penulis tersebut merancang untuk memecah masuk ke rumah Datuk Noor Farida Ariffin yang berusia 69 tahun, dan menyeringnya secara seksual setelah beliau meminta semakan semula terhadap undang-undang Syariah, termasuk perkara-perkara yang berkaitan dengan khawat³. Beliau merupakan jurucakap bagi G25, sekumpulan bekas penjawat awam berpangkat tinggi yang menggalakkan perbincangan yang rasional dan progresif tentang Islam. Apabila penulis tersebut ditegur di Facebook oleh individu lain bahawa ianya tidak lucu untuk bergurau tentang serangan seksual, penulis hantaran Facebook tersebut mengejek dan membalas bahawa dia menggunakan hak kebebasannya untuk bersuara.⁴

Dalam satu kejadian yang berasingan, seorang wanita telah diserang di beberapa medium media sosial setelah dia menegur seksisme dalam sebuah artikel yang mengaitkan pembelian sepasang kancing lengan dengan felatio sebagai hadiah hebat untuk teman lelaki atau suami untuk Krismas. Antara lain, serangan-serangan tersebut menafikan bahawa artikel itu adalah seksis dan mendakwa bahawa wanita itu tidak reti bergurau. Desakan untuk permohonan maaf dan penarikan semula artikel itu oleh aktivis feminis dianggap sebagai satu bentuk penapisan oleh peguam hak asasi manusia dan lain-lain, dan oleh itu, ianya menggagalkan prinsip kebebasan bersuara.⁵

Kedua-dua contoh keadaan ini menunjukkan kurangnya kefahaman tentang kebebasan berpendapat dan bersuara. Ianya jelas bahawa kebebasan berpendapat dan bersuara secara mutlak dan tuntutan penolakan menyeluruh terhadap segala bentuk penapisan berisiko untuk mendiamkan dan menghukum wanita. Pendekatan sedemikian beranggapan bahawa lelaki dan wanita menikmati akses dan pelaksanaan kebebasan bersuara yang sama. Ianya juga mengabaikan seksisme, komen berbentuk diskriminasi, dan keganasan berdasarkan gender dalam talian dan membenarkan bentuk-bentuk ekspresi ini sebagai ekspresi yang dilindungi di bawah hak kebebasan bersuara. Apabila ekspresi yang berbahaya digunakan untuk menentang kebebasan berpendapat dan bersuara wanita, ianya digunakan untuk menentang penyertaan wanita-wanita ini dalam politik dan ruang awam. Walaupun media sosial telah mengurangkan halangan-halangan bagi wanita untuk menyuarakan pendapat dan pemikiran mereka, akses terhadap media sosial tidak semestinya bermaksud bahawa kebebasan ini dinikmati secara sama oleh wanita dan golongan LGBTQ (*gender non-conforming persons*) memandangkan ketidaksaksamaan daripada segi sistemik dan sejarah juga telah diwujudkan dalam medium-medium teknologi.

Di Malaysia, dan pada satu tahap, secara global, ketidaksaksamaan gender sering ditangani secara betul daripada segi impak-impak keganasan berdasarkan

³ Bersendirian bersama individu berlainan jantina yang bukan mahram.

⁴ No 'rape' threat just sarcasm, says man of post against G25's Noor Farida. (23 December 2015). *The Edge Markets*. <https://www.theedgemarkets.com/article/no-'rape'-threat-just-sarcasm-says-man-post-against-g25-s-noor-farida>

⁵ New, S.Y. (5 February 2014). Why so Serious? #Fellatio. *Loyar Burok*. <https://www.loyarburok.com/2014/02/05/serious-fellatio/>

gender dan diskriminasi gender. Walaubagaimanapun, kesan ketidaksaksamaan gender dalam hubungannya dengan kebebasan berpendapat dan bersuara, sebahagian besarnya tidak ditangani. Kerangka kerja untuk kebebasan berpendapat dan bersuara yang tidak terbatas tidak begitu bererti bagi wanita jika ianya mengabaikan dinamik kuasa yang tidak saksama dalam akses kita terhadap hak asasi manusia dan perlindungan yang samarata di bawah undang-undang.

Soalan-soalan Kajian

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengembangkan bukti-bukti substantif yang dapat menyumbang kepada pembangunan dan pembaikan hujahan untuk akses wanita terhadap kebebasan bersuara yang saksama melalui media sosial. Penyelidikan ini mengiktiraf bagaimana ruang dalam talian dapat menyekat dan membataskan penyertaan wanita dalam politik dan ruang awam dengan berkesan, dan menyebabkan penafian hak wanita untuk membentuk dan menggubal semula naratif dominan. Lebih penting lagi, penyelidikan ini menarik perhatian kepada persilangan identiti gender (*intersections of gender*), seksualiti, etnik dan lokasi sosial lain yang mendatangkan pelbagai sudut pandangan. Oleh itu, penyelidikan ini menumpukan pada pembongkaran dinamik kuasa dalam pelbagai bentuk ekspresi dan identiti-identiti wanita yang bersilang; bagaimana kefahaman dan amalan kebebasan bersuara kita di media sosial sekarang telah membolehkan keganasan berdasarkan gender dalam talian meluas tanpa hukuman dan sehingga ke satu tahap yang membiasakan amalan ekstremisme dan keganasan berdasarkan gender, dan; bagaimana kebebasan bersuara ditegaskan oleh wanita dan apakah tindak balas lanjut terhadapnya.

Kaedah Pengumpulan dan Analisis Data Feminis

Dalam memilih kaedah penyelidikan, pasukan kami membuat keputusan untuk meletakkan kepelbagaian realiti kehidupan wanita, sebagai pusat pengembangan pengetahuan. Tujuannya adalah untuk membongkar dinamik kuasa yang mempunyai pelbagai bentuk ekspresi daripada sudut pandangan mereka. Seperti penyelidikan lain yang menggunakan metodologi-metodologi feminis, penyelidikan ini mencabar tanggapan bahawa pengetahuan hanya terdapat pada penyelidik. Oleh itu, usaha-usaha telah diambil untuk menggunakan suara dan pengalaman wanita yang sering tidak diiktiraf dan diabaikan kerana tidak bersesuaian dengan perspektif arus perdana.

Temu ramah sebagai satu kaedah penyelidikan kualitatif telah dipilih sebagai kaedah utama untuk memaparkan naratif dan pengalaman 23 orang wanita (termasuk lesbian, biseksual, wanita trans dan bukan binari), dilengkapi dengan penyelidikan sekunder (*desk research*) dan bengkel selama dua hari. Temu ramah berstruktur separa dengan pertanyaan terbuka digunakan untuk proses temu ramah supaya wanita-wanita menyertai proses penyelidikan sebagai ejen aktif dan bukan hanya sebagai objek kajian. Dua kategori utama peserta penyelidikan dikenal pasti untuk penyelidikan ini - 1) wanita, dan 2) lesbian, biseksual, wanita trans dan *queer* (LBTQ). Sebagai penyelidik, saya sedar bahawa pemisa-

han antara wanita dan LBTQ adalah konstruk yang mengelirukan dan seolah-olah menyiratkan bahawa LBTQ adalah bukan wanita. Walau bagaimanapun, ianya perlu untuk dijelaskan dengan terang terhadap dinamik struktur yang lebih luas yang cenderung untuk tidak mengiktiraf dan mendiamkan naratif wanita LBTQ, bahkan dalam gerakan hak-hak feminis dan wanita. Tiga orang wanita mengenal pasti diri mereka sebagai bukan binari (*non-binary*), di mana mereka tidak mengenalpasti diri mereka dengan mana-mana gender, tetapi mengakui bahawa mereka memperkenalkan diri sebagai wanita kepada masyarakat awam.

Lima orang penyerang juga ditemu ramah untuk lebih memahami pandangan mereka tentang tingkah laku dan motivasi mereka untuk bersikap agresif terhadap wanita. Wawancara ini tidak bertujuan untuk memisahkan pengalaman wanita terhadap keganasan berdasarkan gender dalam talian. Untuk penyelidikan ini, seorang penyerang ditakrifkan sebagai seseorang yang pernah menjadi sebahagian daripada insiden keganasan berdasarkan gender dalam talian dengan membuat ekspresi yang disengajakan di media sosial yang menyebabkan keganasan atau menyebabkan penyebaran keganasan terhadap orang lain. Walaupun jumlah yang diwawancara hanya sedikit, ini dilakukan untuk melengkapkan analisis data, dan untuk lebih memahami motivasi di sebalik serangan tersebut, mengakui sepenuhnya bahawa analisis yang lebih mendalam mengenai keganasan berdasarkan gender dalam talian sangat diperlukan.

Seperti yang telah disebutkan sebelum ini, satu bengkel selama dua hari telah diadakan bersama dengan lapan orang wanita di mana tujuh daripada mereka telah ditemubual untuk penyelidikan ini. Seorang wanita yang menolak temubual penyelidikan bersetuju untuk menghadiri bengkel tersebut. Semasa bengkel tersebut berjalan, penemuan awal penyelidikan telah dikongsi bersama dengan wanita-wanita tersebut. Bengkel ini sangat penting untuk memeriksa perspektif berat sebelah dan salah tafsir terhadap data saya. Ini terbukti sangat berguna kerana ketika para wanita tersebut berkongsi pengalaman mereka, berbincang dan merenung semula, mereka juga menemui matlamat baru untuk diri mereka sendiri.

Pertimbangan Etika

Keputusan untuk mengekalkan ketanpanamaan semua orang, termasuk penyerang itu dibuat untuk mengelakkan keterlihatan lebih lanjut terhadap mereka yang telah mengalami keganasan dan kemungkinan untuk mereka mengalami lebih banyak keganasan. Maklumat relevan yang boleh menyebabkan pengecaman terhadap wanita-wanita tersebut juga dirahsiakan. Walau bagaimanapun, penyebaran meluas dan keterlihatan yang tinggi daripada beberapa kes itu bermaksud bahawa kerahsiaan sepenuhnya adalah mustahil. Memandangkan keadaan, organisasi ini berkeputusan untuk membataskan pendedaran penyelidikan ini kepada sekutu yang dipercayai. Hasil kajian ini akan disebarikan melalui ringkasan penyelidikan ini dan infografik.

Perbincangan dan Dapatan Kajian

Bahagian I: Ekspresi Diri (Digital)

Hasil kajian dibahagikan kepada tiga bahagian utama. Bahagian pertama dapatan kajian, yang berjudul "Ekspresi Diri (Digital)" melihat bagaimana wanita mengekspresikan dan menampilkan diri di Facebook, Twitter dan Instagram.

Walaupun media sosial memberi wanita peluang untuk mempunyai lebih banyak keterlihatan dan ruang untuk berekspresi, ianya tidak selalu bermaksud bahawa wanita akhirnya bebas daripada kongkongan dan boleh terlibat secara terbuka dalam ruang awam dan politik. Realiti wanita-wanita dalam penyelidikan ini menunjukkan bahawa ekspresi dan prestasi diri mereka masih bergantung kepada mod teknologi alternatif masyarakat yang masih berdasarkan dinamik kuasa yang tidak setara dengan norma sosial dan gender yang ada.

Semua wanita dalam penyelidikan ini, walaupun datang daripada pelbagai latar belakang, berbicara tentang keganasan berdasarkan gender dalam talian sebagai hal yang tidak dapat dielakkan daripada kewujudan mereka di media sosial dan bahawa "*minda tidak lagi melihatnya [sebagai keganasan]*". Untuk wujud bermakna berisiko untuk terdedah kepada bahaya. Risiko keganasan berdasarkan gender dalam talian yang tidak dapat dielakkan bermaksud wanita harus mengemudi antara peluang dan kerentanan (*vulnerability*) melalui prestasi diri secara digital.

Walaupun terdapat beberapa (tetapi tidak banyak) kemajuan dalam penyertaan wanita dalam ruang awam dan politik, keterlihatan wanita kekal diatur oleh nilai-nilai budaya dan jangkaan masyarakat. Seorang profesional media tidak dapat memuatnaik kandungan tentang kecergasan peribadinya kerana ia menjadikannya satu objek seksual dan kandungan tersebut dianggap "tidak sesuai" untuk imej profesionalnya. Dalam perkara ini, keputusan yang dibuat oleh wanita dalam membina diri dan badan mereka secara digital (melalui pilihan nama, gambar visual, keterangan profil, senarai rakan atau pengikut dan jenis kandungan yang mereka buat atau kongsi) adalah dipandu dan ditentukan oleh pengalaman-pengalaman dan label masyarakat mereka yang sedia ada sebagai wanita, Muslim, lesbian, gemuk, liberal, feminis dan identiti sosial yang lain.

Salah satu strategi utama yang digunakan oleh wanita untuk mengemudi kuasa secara digital adalah melalui pembahagian diri dalam pelbagai laman media sosial berdasarkan reka bentuk tekno-sosial di setiap platform. Instagram, sebagai platform yang berfokus pada gambar sangat berkuasa untuk ekspresi diri melalui swafoto, penyusunan gambar dan penjenamaan diri. Ini adalah laman web yang digunakan oleh kebanyakan wanita sebagai medium bukan politik⁶ atau ruang untuk naratif-naratif yang remeh dan bagi beberapa orang, ianya digunakan untuk berkongsi "kebahagiaan" dan "versi diri yang terbaik".

⁶ Ini mungkin telah berubah setelah kebangkitan pergerakan #BlackLivesMatter dicetuskan oleh kematian George Floyd pada Mei 2020 di mana terdapat penambahan kandungan keadilan sosial di laman Instagram.

Instagram memudahkan pertunjukan diri daripada versi aspirasi diri kita. Piawai ini ditentukan secara dominan melalui algoritma dan lensa khalayak anda, yang mengamalkan nilai-nilai masyarakat heteronormatif. Ini dengan sendirinya menjadi penghalang bagi ramai wanita untuk mengekspresikan sebahagian daripada diri mereka yang tidak mematuhi norma-norma gender. Tekanan untuk "menyesuaikan diri" menurut piawai ini bermaksud bahawa seorang lesbian beragama Islam tidak dapat berkongsi saat-saat bahagia dengan pasangannya atau seorang individu trans takut untuk memuatnaik gambar diri mereka dengan solekan. Facebook dan Twitter adalah dua medium yang digunakan oleh kebanyakan wanita untuk menyuarakan pemikiran politik mereka dan sering dibandingkan dengan satu sama lain. Facebook, berbanding dengan Instagram dan Twitter, adalah satu medium yang membawa sebahagian besar pengalaman dan identiti wanita, dan melalui medium ini juga, rakan-rakan mereka adalah orang yang dikenali oleh mereka secara peribadi, termasuk ahli keluarga mereka. Oleh sebab kesukaran untuk mengekalkan ketanpanamaan di Facebook, ianya menjadi penghalang kepada akses dan implementasi kebebasan berpendapat dan bersuara oleh wanita-wanita ini. Keupayaan untuk merahsiakan identiti diri sepenuhnya atau sebahagiannya, sebenarnya, dapat memastikan akses yang mungkin dinafikan terhadap mereka kerana norma gender, stereotaip gender dan dinamik kuasa gender yang tidak setara. Ketanpanamaan mempromosikan kebebasan bersuara terhadap topik dan naratif yang kebiasaannya ditapis dan dipadamkan oleh status quo. Ketanpanamaan yang digunakan oleh wanita untuk mengakses kebebasan berpendapat dan bersuara juga telah dieksploitasi oleh penyerang untuk melepaskan diri daripada tanggungjawab. Seorang penyerang mengatakan bahawa dia lebih agresif melalui akaun Twitternya yang tidak dikenali dan akan mengatakan perkara-perkara yang dia tahu tidak akan dipersetujui oleh rakan-rakan dan ahli keluarganya. Dengan itu, penggunaan nama sebenar mereka tidak menghentikan ketiga-tiga penyerang lain untuk melakukan keganasan dalam talian. Pada hakikatnya, ianya adalah disebabkan oleh rasa kebebasan tanpa sebarang hukuman dan mengetahui bahawa mereka dapat melepaskan diri daripada penyalahgunaan yang menjurus kepada keganasan, dan ketanpanamaan adalah cara di mana mereka dapat mencapainya.

Di samping itu, kemampuan kita untuk menyatakan secara bebas mesti berada dalam konteks pengawasan melalui tontonan dan interaksi dengan orang lain di media sosial. Facebook sebagai satu ruang adalah di mana kebanyakan konteks sosial wanita runtuh - ianya adalah satu ruang percampuran antara ahli keluarga, rakan dan kenalan daripada kehidupan fizikal kita yang mungkin atau tidak berkongsi nilai dan minat yang sama seperti kita. Manakala di Twitter, wanita lebih mampu melakukan rangkaian sosial dan berhubung dengan orang asing yang mempunyai tujuan, sikap, dan nilai yang sama seperti mereka. Ianya melalui *tweet* dan naratif kita di mana identiti kami dinyatakan dan disampaikan. Keupayaan untuk mengekspresikan diri kita secara bebas atau keperluan untuk menapis pendapat kita tidak terasing daripada wacana budaya, struktur dan amalan dalam rangkaian kita.

Naratif LGBTIQ yang kelihatan di akaun Twitter seorang wanita Muslim membolehkan dia untuk berhubung dengan mereka yang berfikir sama di mana dia "*menjumpai orang yang [lebih] sehaluan dengan ideanya*". Foto wanita *cisgender* yang sama akan mendapat tindak balas yang berbeza di Facebook dan Twitter. Di Facebook, ahli keluarganya akan memberi komen dengan kasar tentang ukuran tubuhnya manakala di Twitter dia akan menerima pengiaian atau pengesahan daripada pengikutnya. Dia mengehendkan dirinya untuk membicarakan soal kesaksamaan gender dan isu hak LGBTQ di Facebook kerana dia mengetahui bahawa ahli keluarganya tidak akan bersetuju dengan pandangannya. Orang dan konteks di sekitar kita dapat memaksa kita untuk membuat keputusan demi ekspresi dan tapisan sendiri (*self-censorship*) kita.

Prestasi, ekspresi dan diri wanita adalah berdasarkan keputusan yang bukan sembarangan dan bersahaja. Mereka didorong oleh identiti mereka, lokasi sosial dan ketidakaksamaan struktur, seni bina teknologi dan visi politik di medium media sosial ini. Pergerakan dan usaha untuk memastikan akses yang saksama dan pelaksanaan kebebasan berpendapat dan bersuara harus dimulakan dengan mengakui kekurangan dan jurang dalam pengetahuan kita mengenai realiti kehidupan mereka yang sering diabaikan dan dipinggirkan. Ini bermaksud tiada apa patut dicipta untuk kita tanpa kita.

Bahagian II: Ekspresi dan Keganasan

Bahagian kedua daripada dapatan kajian ini menyiasat keterlibatan yang kusut antara keganasan berdasarkan gender dalam talian dengan persilangan identiti dan akses yang tidak saksama terhadap kebebasan berpendapat dan bersuara; dan bagaimana keterikatan konflik dan kuasa ini wujud dalam sistem yang kompleks yang terdiri daripada syarikat media sosial global, algoritma, kerajaan nasional, struktur sosial dan rakyat. Walaupun semua wanita mengalami keganasan berdasarkan gender dalam talian kerana identiti mereka sebagai wanita, sifat, intensiti dan impak keganasan berbeza-beza berdasarkan pelbagai identiti bersilang dan lokasi sosial mereka. Kisah-kisah tentang wanita muda, wanita Muslim LGBTQ, wanita kurang upaya, wartawan wanita dan wanita gemuk dalam penyelidikan ini menggambarkan cara-cara yang berbeza di mana keganasan dilakukan dan dialami oleh seseorang dengan identiti diri yang bersilang. Memahami bagaimana penindasan dan diskriminasi saling menyokong satu sama lain untuk mewujudkan pengalaman unik bagi setiap wanita adalah kunci dalam menghasilkan tindak balas khusus dalam konteks yang sesuai ketika menangani keganasan berdasarkan gender dalam talian. Contohnya, bagi Nadia, seorang wanita kurang upaya, serangan terhadap kisah #metoo dia dicetuskan oleh pengasingan sosial dan stigmatisasi terhadap orang-orang kurang upaya sebagai tidak menarik secara seksual dan persepsi bahawa mereka yang kurang upaya ini tidak mampu menjadi anggota masyarakat yang berfungsi. Mengatasi isu keganasan berdasarkan gender dalam talian untuk wanita kurang upaya juga memerlukan peningkatan kesedaran tentang hak, maruah dan autonomi orang kurang upaya.

Kisah-kisah wanita ini juga menunjukkan bahawa keganasan yang mereka alami termasuk tindakan kasar yang dinormalkan yang berbahaya dalam kumpulan tetapi tidak memenuhi kriteria undang-undang bagi ucapan kebencian atau tingkah laku jenayah. Ini merujuk secara tidak langsung kepada perbualan yang lebih meluas dan tegas tentang kekuatan bahasa dan wacana. Dalam satu kejadian, seorang penyerang telah memuatnaik *tweet* tentang kehadiran LGBTQ di perarakan wanita 2019 yang dianjurkan di Kuala Lumpur. Dia menggambarkan dirinya sebagai penyokong perarakan wanita itu tetapi percaya bahawa menjadi LGBTQ bertentangan dengan agamanya dan bahawa perarakan itu telah dirampas oleh komuniti LGBTQ. Dalam *tweet*-nya, dia hanya mengajak orang ramai untuk berbicara tentang kehadiran bendera *pride* (bendera bercorak pelangi yang digunakan untuk mewakili golongan LGBTQ) di tempat awam dan menyiratkan bahawa "inilah destinasi yang Malaysia menuju sekarang". *Tweet*-nya telah dikongsi oleh ribuan pengguna dan ramai yang membalas dengan komen kasar dan ganas terhadap golongan LGBTQ, termasuk ancaman kematian dan ucapan benci. Ketiadaan bahasa kasar dalam *tweet*-nya dapat menunjukkannya sebagai pandangan dan pendirian politiknya yang sah, walaupun ianya telah menimbulkan kebencian dan serangan orang lain terhadap golongan LGBTQ.

Bahasa dan wacana kita adalah tidak neutral dan mereka terlibat dengan pelbagai struktur dan institusi kuasa untuk mengatur tingkah laku dan ekspresi kita. Bahasa dan wacana menghasilkan dan menghasilkan semula makna, norma, stereotaip, kelainan dan diskriminasi. Ketiadaan bahasa kasar dan kesat dalam ungkapan tidak semestinya melepaskan seseorang daripada tanggungjawab dalam mendatangkan kemudaratan, terutama sekali ketika mereka berada dalam posisi berkuasa dan berpengaruh untuk mendapatkan orang ramai untuk memberikan reaksi negatif terhadap isu tersebut atau orang yang mereka maksudkan.

Jenis-jenis ekspresi ini sering kali digunakan melalui "standard masyarakat" Facebook, Twitter dan Instagram dan secara tidak langsung, menyamakan keganasan berdasarkan gender dalam talian sebagai "kebebasan bersuara". Mereka yang menjadi sasaran menghadapi peningkatan risiko keganasan lebih lanjut dengan setiap peningkatan isyarat. Pada puncak serangan dalam talian secara berkumpulan terhadap perarakan wanita 2019 di Kuala Lumpur, tanda pagar #womensmarchmy juga digunakan oleh penonton yang ingin tahu dan mereka yang mencari peluang perniagaan di Twitter. Walaupun mereka tidak berniat menyebabkan bahaya, algoritma tersebut tidak dapat mengetahui kualiti setiap interaksi dan bekerja untuk meningkatkan kandungan berbahaya yang mempunyai interaksi paling banyak. Insentif ekonomi algoritma untuk memaksimumkan pengedaran kandungan yang sedang hangat, yang kebiasaannya didorong oleh keganasan berdasarkan gender dalam talian adalah bertentangan dengan dasar medium media sosial yang menentang ucapan kebencian dan keganasan berdasarkan gender. Keburukannya meningkat apabila penghargaan terhadap kebebasan berpendapat dan bersuara kita tidak mempunyai lensa gender, dan naratif dan wacana yang melakukan keganasan berdasarkan gender

dalam talian dilihat hanya sebagai latihan kebebasan berpendapat dan bersuara semata-mata.

Bahagian III: Bertindak Balas Terhadap Keganasan

Bahagian ketiga daripada dapatan kajian ini memperhatikan strategi dan tindak balas yang diambil oleh wanita-wanita tersebut dalam ketiadaan kaedah yang berkesan terhadap keganasan berdasarkan gender dalam talian dan pelanggaran terhadap kebebasan berpendapat dan bersuara wanita. Memandangkan terdapat kegagalan sokongan institusi, banyak usaha untuk bertindak balas terhadap keganasan telah dialihkan kepada wanita perseorangan dan kadangkala, tindak balas kolektif rangkaian feminis atau organisasi hak wanita. Hanya dua daripada dua puluh tiga orang wanita yang diwawancara membuat atau cuba membuat laporan polis tentang keganasan berdasarkan gender dalam talian yang mereka alami. Walaupun begitu, pihak penguatkuasa menyalahkan mereka dan menunjukkan bahawa bahaya itu tidak serius. Disebabkan keadaan, butang "*block*" dan "*unfriend*" selalu digunakan oleh wanita sebagai salah satu mekanisme kendalian mereka. Ada juga yang menggunakan taktik "*preemptive muting*" dengan menyekat penghasut maya (*troll*) yang mengganggu wanita lain. Sebilangan besar wanita telah menyedari bahawa orang-orang ini tidak berada di sana untuk mempunyai perbualan dan ianya adalah tidak produktif untuk melibatkan mereka. Menyekat (*blocking*), tidak melibatkan diri (*disengage*) dan *unfriend* adalah taktik-taktik penting bagi ramai wanita dalam penyelidikan ini untuk tidak mendedahkan diri mereka kepada naratif dan serangan berunsurkan kebencian.

'Menamakan dan memalukan' juga merupakan strategi lain yang digunakan oleh sebilangan wanita. Seorang wanita mempunyai tangkapan skrin dan semua *tweet* bersifat misogynis terhadapnya dalam satu bebenang di Twitter. Dalam wawancara itu, dia menceritakan bahawa ia adalah saat yang sangat berkuasa ketika dia dapat merebut kembali kuasa dan naratifnya. Banyak mangsa gangguan seksual juga telah menegur penyerang-penyerang mereka di media sosial berikutan kegagalan institusi atau penguatkuasa undang-undang untuk menangani masalah mereka. Budaya berjaga-jaga dalam talian (*online vigilantism*) mencerminkan gerakan feminis gelombang keempat: bersifat individu, *micropolitical* (bersifat politik dalam skala yang kecil) dan bergantung kepada diri sendiri.⁷ Ia terbukti berkesan dalam mencipta kesedaran dan perbincangan awam. Namun, seringkali individu tersebut menanggung risiko dan kos iaitu peningkatan kerentanan fizikal / kekurangan keselamatan fizikal, pengasingan, keterasingan, kesihatan mental, kemungkinan tuntutan fitnah, dan kekurangan keselamatan pekerjaan.

Namun, wanita enggan duduk dan menunggu untuk pihak berkuasa menyelesaikan masalah yang mereka hadapi dan melewati halangan institusi untuk keadilan dengan melakukannya sendiri. Dalam beberapa kes, tindakan berjaga-jaga dalam talian menimbulkan persoalan tentang batasan dan pertimbangan etika. Penyerang-penyerang dalam kedudukan yang kurang kuat juga menerima

⁷ Emma A. Jane. (2016). Online misogyny and feminist digilantism. *Continuum*, 30:3, 284-297

gangguan dan keganasan. Walaupun tindakan untuk bersuara adalah kuat dan bahkan perlu untuk memecahkan status quo, kejadian di masa lalu telah menunjukkan bahawa 'menamakan dan memalukan' mungkin mengelirukan bagi mereka yang tidak berkaitan kerana kebanyakan orang bertekad untuk membuk-tikan siapa mangsa dan siapa sebaliknya, walaupun kedua-duanya mengalami keganasan dalam talian. Ini juga tidak menangani halangan berstruktur bagi pe-mandiri (*survivor*) untuk mengakses keadilan dan kelaziman seksisme dalam konteks budaya dan sosial yang telah berlaku terhadap pemandiri wanita.

Cadangan Penyelidikan dan Input untuk Sokongan Polisi

Melangkah Ke Hadapan

Media sosial sebagai ruang untuk berekspresi sering dipertikaikan di mana terdapat kekangan norma-norma gender, namun, golongan wanita terus melawan dan mengganggu-gugat perbincangan normatif, dengan risiko untuk mengalami serangan dan keganasan. Lebih daripada itu, melawan keganasan berdasarkan gender dalam talian tidak bertentangan dengan kebebasan berpendapat dan bersuara. Ia memerlukan perluasan akses terhadap kebebasan itu agar wanita dan golongan yang terpinggir dapat mengekspresikan diri tanpa risiko tindakan balas daripada Kerajaan dan aktor bukan negara.

Menangani keganasan berdasarkan gender dalam talian bermaksud membuat mereka bertanggungjawab atas kuasa dan hak istimewa masing-masing dan cara di mana mereka melaksanakan kebebasan berpendapat dan bersuara mereka. Ini bermaksud untuk menyedari bahawa kita hidup dalam satu dunia di mana diskriminasi berbentuk sistemik terhadap wanita telah dibiasakan dan sering dihasilkan semula di ruang media digital dan sosial. Oleh itu, untuk bersikap neutral bermakna bersetuju untuk mengekalkan diskriminasi berbentuk sistemik dan menghalang akses yang saksama terhadap hak kebebasan berpendapat dan bersuara. Hal ini menuntut kita untuk memahami bahawa kebebasan berpendapat dan bersuara tidak diberikan secara saksama kepada semua orang dan keganasan berdasarkan gender dalam talian adalah satu pernyataan penting tentang dinamik kuasa gender yang tidak saksama yang telah menguasai semua aspek kehidupan kita.

Alternatif Polisi

Penghapusan keganasan berdasarkan gender dalam talian memerlukan penstrukturan semula strategi semasa terhadap keganasan berdasarkan gender kerana ia melibatkan pelbagai hak antara kebebasan bersuara, hak untuk penyertaan politik dan hak untuk tidak didiskriminasi, maruah dan keselamatan, yang dianggap sebagai hak-hak yang saling bersaing untuk kepentingan peribadi dalam politik negara. Ini juga melibatkan aktor-aktor di seluruh dunia — kerajaan, rakyat, dan medium digital; medium digital sering terletak dalam bidang kuasa yang berbeza.

Penyelidikan KRYSS Network juga menunjukkan bahawa reka bentuk dan infras- truktur media sosial dapat mendorong dan menggalakkan kebencian. Khususnya struktur ekonomi yang mendasari medium seperti Twitter, Facebook dan Insta-gram yang bergantung kepada interaksi orang ramai. Semakin banyak interaksi yang ada, semakin banyak data yang akan ditangkap dan kemudiannya, dima- sukkan ke dalam algoritma tersebut. Algoritma ini dirancang untuk memaksi- mumkan penyebaran kandungan sohor kini dan ini sering merangkumi kandun- gan yang mendatangkan hasutan. Ruang di Twitter juga menyekat perbualan bernuansa dan mendorong perbahasan dan hujah yang terpolarisasi. Pada per- ingkat ini, lebih banyak penyelidikan diperlukan untuk membimbing dan men- cuba pelbagai bentuk seni bina medium yang berbeza supaya teknologi- teknologi ini dapat digunakan untuk mengatasi masalah-masalah akar umbi berkenaan ketidaksaksamaan gender.

Walaupun undang-undang diperlukan dalam kes di mana terdapat kerosakan parah, keganasan berdasarkan gender dalam talian juga merangkumi pelbagai tingkah laku kasar termasuk gangguan bersasar, serangan berkumpulan yang diselaraskan, dan stigmatisasi dan diskriminasi disengajakan yang tidak menimbulkan bahaya jenayah (*criminal harm*), walaupun ianya dapat menyebabkan pertambahan kemudaratan, terutamanya dalam kes serangan berkumpulan dalam talian.



Terdapat keperluan untuk pendekatan pelbagai pihak dan tindak balas agensi antara kerajaan terhadap keganasan berdasarkan gender dalam talian. Ini memerlukan penyebaran strategi daripada pelbagai aspek, daripada peringkat makro sehingga mikro, yang melibatkan undang-undang dan reformasi polisi, pelaksanaan dan pengembangan program pencegahan, penyelidikan dan pemantauan dll.

Cadangan Polisi untuk Negara

1. Melakukan penyelidikan empirik di seluruh negara untuk lebih memahami pengalaman individu dengan keganasan berdasarkan gender dalam talian, termasuk mengapa orang ramai menimbulkan kebencian dan melakukan keganasan dalam talian. Pengumpulan data adalah kunci untuk memahami di mana ia berlaku, siapa yang melakukannya, siapa pelaku dan mengapa ia berlaku. Dapatan kajian ini kemudian dapat mereka bentuk polisi dan undang-undang yang mesra mangsa (*victim friendly*), serta penggunaan pendekatan alternatif untuk memastikan keadilan bagi mangsa, kemudian meningkatkan keberkesanan dan kaitan undang-undang tersebut kepada mangsa / pemandiri (*survivor*) keganasan berdasarkan gender dalam talian.
2. Menggunakan strategi pencegahan yang baik dan mekanisme pemulihan yang mesra mangsa di institusi pengajian, termasuk sekolah, kolej dan universiti.
3. Menangani etika dan tingkah laku di internet, serta menitikberatkan kepentingan interaksi yang menghormati dan tanpa diskriminasi dalam talian

melalui program pendidikan dan mekanisme kawal selia dan pemantauan sendiri yang sesuai.

4. Memberi panduan tentang apa yang harus dilakukan sekiranya sebarang individu menyaksikan kejadian keganasan berdasarkan gender dalam talian.
5. Mengkaji prosedur standard operasi agensi kerajaan dan Polis Diraja Malaysia dalam menangani aduan keganasan berdasarkan gender dalam talian agar benar-benar mesra mangsa, tepat, dan proaktif.
6. Melakukan kempen awam secara berkala untuk meningkatkan kesedaran terhadap ucapan kebencian, dan keganasan berdasarkan gender dalam talian.
7. Melakukan penilaian dan audit terhadap tindak balas sedia ada oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Kod Perhubungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Agensi Keselamatan Siber Negara dan polis dalam menangani kekerasan berdasarkan gender dalam talian dan untuk memberikan cadangan penambahbaikan, termasuk menubuhkan kaunter gender (*gender desks*) dengan kepakaran yang diperlukan untuk bertindak balas, dan untuk menambahkan kandungan / garis panduan khusus untuk kes keganasan berdasarkan gender dalam talian, memperincikan pendekatan yang harus diambil untuk menangani keganasan tersebut, atau garis panduan yang lebih khusus untuk menangani bentuk tertentu keganasan itu.
8. Menubuhkan pasukan tindak balas untuk keganasan berdasarkan gender dalam talian di mana penghapusan kandungan sangat diperlukan. Ini terutama untuk kes-kes yang melibatkan penyebaran gambar intim dan data peribadi tanpa persetujuan.
9. Menggubal Undang-Undang Kesaksamaan Gender, Akta Gangguan Seksual dan meminda Kanun Keseksaan untuk menjadikan tindakan mengendap (*stalking*) satu jenayah.
10. Memperluaskan Artikel 5 Perlembagaan Persekutuan untuk merangkumi perlindungan jelas terhadap hak privasi.
11. Menubuhkan Pasukan Tugas Antara Kementerian dan mengadakan rundingan pelbagai pihak secara berkala dengan kementerian-kementerian, agensi-agensi kerajaan, masyarakat, golongan akademik, media dan medium media sosial yang berkaitan.



CONTACT

info@kryss.network
<https://kryss.network/>

Facebook: KRYSS Network
Twitter: @krYss_net
Instagram: @kryssnetwork

